

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)30

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

30. Huraikan kemudahan sedia ada kompleks kargo di LTAPP.
- (a) Huraikan jumlah metrik tan kargo dan nilai eksport yang dikendalikan oleh LTAPP serta syarikat penerbangan kargo yang terlibat.
 - (b) Huraikan projek Penang International Logistics Aeropark (PILA).
 - (c) Huraikan MoU yang ditandatangani antara PDC dengan FedEx dan DHL.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Antara kemudahan yang terdapat di *Free Commercial Zone* (FCZ) adalah seperti berikut:

- (i) **Gudang Penyimpanan** (*Warehouse*) untuk kegunaan eksport, import, dan kargo *transshipment* dan dilengkapi sistem kawalan suhu (*cold room*) untuk barangan sensitif haba di Kargo Terminal Operator.

- (ii) **Kemudahan logistik** iaitu penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan syarikat kargo seperti MAB Kargo, Pos Aviation, DHL, FedEx dan UPS. Syarikat-syarikat ini juga menyediakan kawalan keselamatan dan mesin pengimbas di gudang masing-masing.

- (iii) **Sistem EFCZ** iaitu satu sistem elektronik untuk pemantauan keluar masuk barangan mengikut Akta Zon Bebas 1990 yang memerlukan pengisytiharan rasmi bagi barangan yang dikenakan cukai.

- (iv) **Perkhidmatan dari Bahagian Kastam dan Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)** berkaitan pengesahan borang dan pemantauan barang keluar dan masuk di kawasan zon.

- (v) **Kemudahan infrastruktur** yang merangkumi akses ke apron untuk pengendalian kargo udara, sistem keselamatan 24 jam (Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan

kawalan akses) dan sistem *Visitor Management System* (VMS).

- (vi) **Perkhidmatan sokongan** seperti *freight forwarders*, agensi pengangkutan dan syarikat kurier.

- (vii) **Pintu Masuk Kawalan FCZ** yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak *Aviation Security* (AVSEC) di bawah *Malaysia Airports Sdn. Bhd.* (MASB) dengan melaksanakan pemeriksaan di kawasan Pintu Masuk Utama.

- (a) Jumlah kargo yang dikendalikan di Lapangan Terbang Pulau Pinang (LTAPP) setakat bulan September 2025 adalah sebanyak **130,896 metrik tan**.

Jenis kargo utama yang dijalankan oleh Pihak Terminal Operator adalah terdiri daripada **barangan elektronik dan semikonduktor, peralatan perubatan, komponen automotif dan penghantaran ekspres**.

Pengukuran nilai eksport yang terlibat adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Antara syarikat penerbangan yang mengendalikan kargo di LTAPP adalah **MASKargo (Malaysia Airlines), DHL/Raya Airlines, FedEx Express, United Parcel Services (UPS), Cargolux Airlines, China Airlines, Korean Airlines, Air Hong Kong, Cathay Pacific Cargo, EVA Airways, Kargo Express, MyIndo Airlines dan Transmile Air.**

- (b) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan melancarkan projek Hab Logistik Udara atau *Penang International Logistics Aeropark* (PILA) selepas perjanjian usaha sama antara PDC dan *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) dimuktamadkan. Pada masa ini, perjanjian tersebut berada di peringkat akhir dan dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah MAHB.

PILA merupakan satu inisiatif strategik pembangunan oleh PDC bagi memperkukuh ekosistem industri logistik udara dan menyokong pertumbuhan sektor perindustrian berteknologi tinggi di Negeri Pulau Pinang.

Projek ini terletak di atas tanah milik PDC, PT 6758, Mukim 12, Daerah Barat Daya di kawasan Bayan Lepas seluas 79.32 ekar iaitu lot bersebelahan LTAPP. Tanah yang melibatkan LTAPP adalah berstatus pajakan kepada MASB, iaitu salah satu anak syarikat di bawah MAHB. Oleh yang demikian, kolaborasi antara MAHB dan PDC akan membincangkan juga isu berkaitan tanah dengan lebih terperinci.

Anggaran kos pembangunan projek ini sedang dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak, dengan proses *value engineering/value management* sedang dijalankan bagi memastikan kos pembangunan yang optimum.

Berdasarkan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) yang telah siap pada tahun 2023, PDC telah menerima

kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui surat bertarikh 7 Jun 2024. Seiring dengan itu, PDC turut mengambil langkah proaktif mendapatkan semua kelulusan teknikal yang diperlukan, termasuk:

- (i) Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA);
- (ii) Penilaian Impak Trafik (TIA);
- (iii) Penilaian Impak Sosial (SIA); dan
- (iv) Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang telah diluluskan dengan pindaan pada 19 Ogos 2025.

Selain itu, tender bagi kerja tanah untuk keseluruhan projek PILA kini di peringkat penilaian dan dijangka dimulakan pada awal tahun 2026.

Kedudukan strategik PILA akan menjadikannya sebuah **hab logistik bersepadu (*integrated logistics hub*)** yang menghubungkan aktiviti eksport dan import, sekali gus

meningkatkan keupayaan pengendalian kargo udara serta memperkukuh daya saing Pulau Pinang sebagai pusat logistik serantau. Keseluruhan cadangan pembangunan PILA ini akan digazetkan sebagai *Free Commercial Zone* (FCZ) dan akan menjadi pelengkap kepada FCZ sedia ada di kawasan Bayan Lepas.

Bagi menjayakan pembangunan ini, **PDC dan MAHB telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 10 Januari 2025** untuk pelaksanaan *Tier 1* projek, iaitu pembangunan gudang terminal kargo (*cargo terminal warehouse*) yang terletak berhadapan dengan apron lapangan terbang. Sementara itu, *Tier 2* dan *Tier 3* yang melibatkan gudang sokongan (*supporting warehouses*) akan dibangunkan oleh PDC bagi melengkapkan PILA sebagai hab logistik bersepadu.

Selain itu, **kerjasama strategik dengan syarikat logistik global** turut dirancang bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar serta mampu menarik pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perindustrian. Secara

keseluruhannya, PILA akan menjadi pemangkin utama kepada transformasi rantai bekalan (*supply chain transformation*) dan kemudahan infrastruktur pengangkutan selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030.

- (c) Syarikat FedEx dan DHL merupakan dua pemain utama dalam industri logistik udara antarabangsa yang telah beroperasi sekian lama di Pulau Pinang. **Kedua-dua syarikat ini telah menyatakan minat dan komitmen** untuk menjadi sebahagian daripada pembangunan Projek PILA yang dilaksanakan oleh PDC.

Bagi memperkukuh komitmen tersebut, PDC bersama FedEx dan DHL telah mengadakan majlis pertukaran **MoU** pada **24 September 2025** sempena **Expo OSAKA 2025 di Jepun**. Tujuan utama MoU ini adalah untuk:

- (i) Menunjukkan minat rasmi FedEx dan DHL untuk menyewa ruang dalam bangunan *Tier 1* yang akan dibangunkan oleh PDC, melibatkan gudang terminal kargo berhadapan apron LTAPP.

- (ii) Menjalin kerjasama strategik bagi menjadikan PILA sebagai hab logistik serantau yang mampu meningkatkan kapasiti, kecekapan dan daya saing sektor logistik udara di Pulau Pinang dan selaras dengan pembesaran Terminal Penumpang LTAPP.
- (iii) Meneruskan perbincangan antara pihak-pihak terlibat berhubung terma-terma komersial, termasuk kadar sewaan, keperluan operasi serta aspek teknikal pembangunan gudang.
- (iv) Menetapkan tempoh sah MoU selama enam (6) bulan dengan kemungkinan lanjutan sekiranya diperlukan bagi membolehkan penyelarasan lanjut dilaksanakan dengan lebih terperinci.

Secara keseluruhannya, pemeeteraian MoU ini mencerminkan keyakinan syarikat logistik global terhadap potensi PILA sebagai projek strategik yang akan memperkukuh ekosistem logistik udara dan perdagangan

antarabangsa Pulau Pinang, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara menyeluruh.